



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 9 TAHUN 2017**

**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
SEKTOR AWAM MALAYSIA
Malaysian Public Sector Accounting Standards
(MPSAS)**

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Pemakaian Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)	2
4.	Hal-hal Lain	2
5.	Tarikh Berkuat Kuasa	2
6.	Penutup	3



**KERAJAAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 9 TAHUN 2017**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Semua Akauntan Negeri/ Bendahari Negeri

**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA
*Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)***

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pemakaian Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebagai Piawaian Perakaunan yang diterima pakai selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) adalah digubal berasaskan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS)* yang dikeluarkan oleh *International Federation of Accountant (IFAC)*.
- 2.2 Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) telah digubal dan melalui proses tadbir urus yang terdiri daripada dua (2) jawatankuasa iaitu *Government Accounting Standards Advisory Committee (GASAC)* dan Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan serta kebenaran daripada *International Federation of Accountants (IFAC)*.

3. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (MPSAS)

- 3.1 Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Negeri yang melaksanakan perakaunan asas akruan hendaklah memastikan semua urusanniaga diperakaunkan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- 3.2 Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) hendaklah diguna pakai setakat mana ia tidak menyalahi keperluan perundangan yang berkuatkuasa.
- 3.3 Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) ini boleh didapati di Portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia melalui capaian <http://www.anm.gov.my/index.php/perakaunan/piawaian-perakaunan-kerajaan/asas-akruan>.

4. HAL-HAL LAIN

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), Kementerian/Jabatan dan Pejabat Perakaunan boleh merujuk kepada pihak berikut:

Helpdesk Akruan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
emel : helpdesk.akruan1@anm.gov.my
No. Telefon : 03-8882 1018

5. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada 1 Januari 2018.

6. PENUTUP

Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Negeri hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



SAAT BIN ESA C.A.(M)

Akauntan Negara Malaysia

29 Disember 2017

s.k :

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua YB Pegawai Kewangan Negeri